

PM: USAHA KITA MENYATU RAKYAT

ALOR SETAR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini melahirkan hasratnya untuk melihat ahli-ahli UMNO berbaik dan berkawan dengan rakan mereka dari parti p e m b a n g a n g asalkan persahabatan itu tidak bertujuan untuk memecah belahkan orang-orang Melayu.

"Tugas kita ialah berusaha menyatupadukan umat dan bukanlah hak kita untuk memecah belahkan perpaduan dengan tuduhan kafir m e n g k a f i r d a n sebagainya.

"Kita mahu berbaik-baik semula dengan mereka asalkan mereka jangan memecah belahkan perpaduan kita," tegasnya ketika berucap di majlis kesyukuran atas kemenangan Barisan Nasional, di Kampung Gelong Rambai, Tunjang, kira-kira 20 kilometer dari sini hari ini.

Katanya, keputusan pilihanraya lalu di Kedah menunjukkan Tuhan tidak mengizinkan orang-orang yang menyalahgunakan kuasa memerintah negara ini.

"Sebelum ini parti tersebut bersikap takbur untuk menawan beberapa negeri tetapi apa yang berlaku kedudukannya di Kedah sudah hampir lenyap," tegasnya.

Walaupun tidak menyebut nama parti tersebut tetapi jelas yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri ialah parti PAS yang begitu berambis untuk menawan

beberapa negeri sebelum pilihanraya lalu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad seterusnya mengingatkan orang-orang Melayu khasnya ahli UMNO bahawa tokoh parti tersebut akan datang melawat ke kampung-kampung untuk menyebarkan pengaruh mereka.

"Saya harap tuan-tuan janganlah mudah terpengaruh dengan dakwah mereka," katanya.

Kepada penduduk di Kubang Pasu, Perdana Menteri berharap semua kaum meneruskan perpaduan yang sudah tersemal seperti yang ditunjukkan semasa pilihanraya lalu.

Majlis kesyukuran itu

mengorban empat ekor lembu yang didedekahkan oleh penduduk-penduduk di kampung itu. Kira-kira seribu penyokong dan ahli UMNO di kawasan itu hadir.

Sebelum itu Wakil Rakyat kawasan Tunjang Haji Hanafi Ramli dalam ucapan alu-aluannya berharap, penduduk di situ meneruskan usaha masing-masing bagi mencapai taraf hidup yang lebih baik.

Belliau berkata, sebarang masalah yang timbul hendaklah diselesaikan di peringkat bawahan dan janganlah semuanya hendak diserahkan kepada Wakil Parlimen iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia